

# UPM lakukan lawatan ke Thailand



Pelajar Larm dan pensyarah pengiring bergambar kenangan ketika lawatan ke Bangkok.

MUHAMMAD FAIZ SULONG @ RAZAK

**BANGKOK** - Seramai 25 pelajar Master Pengurusan Sumber Tanah (Larm), Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan akademik di Sekolah Sumber Pertanian, Universiti Chulalongkorn, Bangkok bagi memahami senario pertanian di negara serantau.

Lawatan yang diiringi dua pensyarah UPM, Dr Daljit Singh Karam dan Dr Mohd Rizal Ariffin itu bagi mendedahkan pelajar mengenai strategi pembangunan pertanian di Thailand.

Ini terutama dari segi pembangunan

**“Penguasaan dalam bidang sains dan teknologi amat penting dalam bidang pertanian untuk membolehkan pelajar dapat menjalankan projek berdasarkan pertanian yang dengan betul.”**

- Kanisak Oraveerakul

sahsiah pelajar pertanian di negara itu yang merupakan salah satu pengeluar makanan terbesar di dunia.

Dekan Sekolah Sumber Pertanian, Prof Dr Kanisak Oraveerakul berkata sekolah

Pelajar Larm ke Bangkok pelajari ilmu gunatanah pertanian

Nam Daeng, Nakhon Ratchasima yang merupakan pusat setempat bagi penggemar buah mangga yang menawarkan penjualan buah mangga terus dari kebun, bistro makanan dan minuman berasaskan mangga serta jualan mangga dan produk berasaskan mangga secara atas talian.

Dalam lawatan berkenaan, pelajar Larm turut melawat Muzium Tanah, Jabatan Pembangunan Tanah, Thailand yang memaparkan koleksi profil tanah daripada seluruh pelusuk Thailand.

Atase Pertanian Malaysia di Bangkok, Mohamad Ezri Shamsuddin sempat meluangkan masa menerangkan kepada pelajar bahawa ayahanda kepada Raja Thailand sekarang, mendieng Raja Bhumibol Adulyadej (1927-2016) amat menitikberatkan kecukupan makanan ke atas rakyatnya.

“Pemerintahan baginda perlu memastikan setiap rakyat mempunyai makanan yang cukup, dan yang selebihnya bolehlah dijual kepada orang lain,” katanya.

Sementara itu, ketua pelajar Larm, Wan Abdul Hadi berkata penggunaan teknologi terkini boleh membantu meningkatkan produktiviti hasil pertanian, namun rakyat Thailand membuktikan bahawa, penggunaan tanah pertanian dengan optimum dan dibangunkan secara lestari dapat menjamin kedaulatan makanan mereka.

“Pelaburan dalam jentera-jentera atau peralatan yang terkini, tidak semestinya memberi pulangan keuntungan seperti yang diimpikan. Yang penting adalah pembangunan insan iaitu kesungguhan dan keazaman petani untuk menghasilkan hasil tani mengikut amalan pertanian yang terbaik di kebun atau tanah mereka,” katanya.

tersebut ditubuhkan kira-kira 10 tahun lalu dan memberi peluang kepada pelajar mendalami dan menerokai kebolehan masing-masing.

“Generasi pelajar muda yang energetik, kreatif dan inovatif adalah sumber penting di dalam memperkasakan sektor pertanian.

“Penguasaan dalam bidang sains dan teknologi amat penting dalam bidang pertanian untuk membolehkan pelajar dapat menjalankan projek berdasarkan pertanian yang dengan betul,” katanya.

Katanya, antara projek graduan yang berjaya ialah “Khao Yai The Mango House Farm” iaitu kebun yang terletak di Nong